

TARIKH : 11 JANUARI 2023
SURAT KHABAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10

10

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 11 JANUARI 2023

Dalam Negeri

Lagi didakwa buat tuntutan palsu

Oleh NORLIZAH ABAS
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) wanita pula didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tujuh pertuduhan mengemukakan dokumen palsu kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) bagi menuntut insentif Program Penjana Kerjaya 2.0 berjumlah RM112,000.

Kelmarin, empat individu termasuk seorang CEO mengaku tidak bersalah di tiga mahkamah di sini melibatkan tuntutan insentif melebihi RM500,000.

Di hadapan Hakim Azura Alwi, Noorun Nashriah Ramli, 41, CEO sebuah syarikat pengendalian program latihan mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketujuh, wanita itu didakwa memberikan dokumen palsu melalui seorang individu bagi menuntut insentif di bawah



NOORUN Nashriah Ramli hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur semalam bagi menghadapi pertuduhan membuat tuntutan palsu berkaitan insentif Penjana Perkeso. - UTUSAN/NORLIZAH ABAS

Program Penjana 2.0 Perkeso Kerjaya yang kesemuanya berjumlah RM112,000.

Tindakan itu untuk memperdayakan Perkeso dengan mengemukakan dokumen palsu

iaitu Program Latihan Insentif Pekerja (Penjana) kepada empat pegawainya yang mana tuntutan program dibuat walaupun tidak dihadiri oleh peserta yang berdaftar dengan Perkeso.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di Menara Perkeso Putrajaya antara 13 Julai dan 1 Oktober 2021.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah seksyen 24(2) Akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM35,000 bagi kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin.

Sementara itu dua Mahkamah Sesyen lain, seorang pengusaha kantin sekolah, Amir Shariffuddin Haron, 56, dan pengusaha kedai makan, Farhan Taufik, 34, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan masing-masing melibatkan jumlah tuntutan insentif RM78,700.

Kedua-dua tertuduh didakwa

memberikan Borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama sebuah syarikat melalui seorang lelaki kepada seorang Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan Pejabat Perkeso bagi menuntut insentif tersebut.

Mereka dituduh dengan niat memperdayakan Perkeso dengan mengemukakan dokumen mengandungi pernyataan palsu mengandungi nama pekerja baharu sedangkan senarai pekerja yang dinamakan itu bukan pekerja dua syarikat berkenaan.

Kesalahan didakwa dilakukan di Wisma Perkeso, Jalan Tun Razak di sini masing-masing pada 5 Mac dan 1 Jun 2021.

Hakim Rozina Ayob membuktikan Amir Shariffuddin diikat jamin RM8,000 manakala Hakim Suzana Hussin membenarkan Farhan dijamin RM8,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan sama manakala kes disebut pada 14 Februari dan 10 Februari ini.